A

Pendakwa Raya lwn Noor Aqilah bt Abdul Rahman

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42H-15–02 TAHUN 2019
MEOR HASHIMI PK
2 OKTOBER 2019

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Responden dituduh dengan tuduhan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan s 201 Kanun Keseksaan — Perayu mengaku bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman — Sama ada hukuman penjara terlalu ringan — Sama ada hakim bicara memberikan diskaun atau kredit berlebihan — Akta Kanak-Kanak 2001 s 31(1)(a) — Kanun Keseksaan s 201

D

Responden telah telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen Selayang dengan pertuduhan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 ('pertuduhan pertama') kerana menyebabkan kecederaan di bahagian kepala Adam Rayqal bin Mohd Sufi Naefi ('mangsa') dan juga dituduh di bawah s 201 Kanun Keseksaan ('pertuduhan kedua') kerana melupuskan mayat mangsa dengan niat untuk menyembunyikan kematian mangsa. Pertuduhan pertama terhadap responden telah dipinda oleh pihak pendakwaan ('perayu') di mana responden dituduh mendedahkan mangsa dengan cara yang mungkin akan menyebabkan mangsa mengalami kecederaan di bahagian kepala yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 ('pertuduhan pindaan pertama'). Responden telah mengaku salah, tanpa syarat, terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Hakim bicara telah menerima pengakuan salah responden dan mendapati responden bersalah dan disabitkan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut. Bagi pertuduhan pindaan pertama, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara selama tiga tahun enam bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar enam bulan penjara serta perintah bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin dan perintah khidmat masyarakat selama 200 jam secara agregat dalam tempoh enam bulan dari tarikh jatuh hukum mengikut peruntukan s 31(2) Akta Kanak-Kanak 2001. Bagi pertuduhan kedua pula, responden telah dijatuhkan hukuman penjara 18 bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar enam bulan penjara di bawah s 201 Kanun Keseksaan. Hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan serentak. Perayu yang terkilan dengan keputusan tersebut telah merayu kepada mahkamah terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan perayu:

(1) Hukuman penjara tiga tahun enam bulan yang dijatuhkan oleh hakim bicara bagi pertuduhan pindaan pertama adalah tidak memadai dan terlalu ringan. Pertimbangan yang utama hendaklah diberikan kepada aspek kepentingan awam dan ianya mengatasi kepentingan responden. Kepentingan awam memerlukan hukuman yang berbentuk pencegahan dijatuhkan oleh mahkamah di mana kesalahan yang dilakukan oleh responden ialah kesalahan yang serius dan menyebabkan kehilangan nyawa mangsa. Hukuman berbentuk 'deterrent' dapat dijadikan pengajaran kepada responden dan juga peringatan kepada masyarakat umum supaya tidak melakukan kesalahan yang seumpamanya di masa hadapan (lihat perenggan 26, 29 & 31).

(2) Pengakuan salah oleh responden bukanlah suatu faktor mitigasi yang utama dalam menjatuhkan hukuman ke atas responden. Hakim bicara telah memberikan diskaun atau kredit yang berlebihan bagi pengakuan salah responden (lihat perenggan 33).

(3) Tempoh pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah ini terhadap responden bagi pertuduhan pindaan pertama iaitu penjara enam tahun dari tarikh jatuh hukum adalah mencukupi bagi tujuan pemulihan responden semasa berada dalam penjara. Mahkamah telah seimbangkan aspek 'deterrence' dengan aspek 'rehabilitation' dengan menjatuhkan hukuman penjara yang wajar dan setimpal dan tempoh pemenjaraan yang dikenakan adalah diharapkan dapat memenuhi tujuan perseimbangan tersebut. Hukuman penjara sepuluh tahun yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan adalah terlalu berat dan akan menjejaskan proses pemulihan responden semasa menjalani hukuman di penjara. Lagi pula, responden bukan merupakan 'habitual offender' dan tidak mempunyai rekod sabitan lampau dan telah memberikan kerjasama yang baik kepada pihak polis (lihat perenggan 36 & 38).

(4) Ibu dan ahli keluarga mangsa merasai impak dan kesan trauma yang berpanjangan akibat perbuatan responden yang telah menyebabkan kematian mangsa. Hukuman penjara bagi pertuduhan pindaan pertama yang dinaikkan dari tiga tahun enam bulan kepada enam tahun bermula dari tarikh jatuh hukum adalah wajar dan munasabah. Manakala lain-lain hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara dan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan serentak adalah dikekalkan (lihat perenggan 39 & 44).

[English summary

The respondent was charged at the Selayang Sessions Court under s 31(1)(a) of the Child Act 2001 ('the first charge') for causing injuries to the head of Adam Rayqal bin Mohd Sufi Naefi ('the victim') and also charged under s 201 of the Penal Code ('the second charge') for disposing of the body of the victim with intent to conceal the death of the victim. The first charge against the

respondent was amended by the prosecution ('the appellant') in which the respondent was accused of exposing the victim in a manner that would have caused the victim to be injured in the head which was an offense under s 31(1)(a) of the Child Act 2001 ('the first amended charge'). The respondent had pleaded guilty, unconditionally, to both charges. The trial judge accepted the plea and found the respondent guilty and convicted to both charges. On the first amended charge, the trial judge imposed sentence of imprisonment of three years and six months from the date of conviction and a fine of RM5,000 in default six months imprisonment and a three-year bond of good behaviour with a security of RM8,000 with one guarantor and community service order for 200 hours in aggregate within six months from the date of conviction pursuant to s 31(2) of the Child Act 2001. For the second charge, the respondent was sentenced to 18 months of imprisonment from the date of conviction and a fine of RM5,000 in default six months imprisonment under s 201 of the Penal Code. The imprisonment sentence for both charges were to run concurrently. The appellant aggrieved by the decision appealed to the court against the sentence imposed by the trial judge.

Held, allowing part of the appellant's appeal:

(1) The sentence of imprisonment of three years and six months imposed by the trial judge on the first amended charge was manifestly inadequate. The main consideration should be given to the public interest and it overrode the interest of the respondent. It was in the public's interest that a form of deterrence be imposed by the court in which the respondent's offense was a serious offense and resulted in the loss of a life. The deterrent sentence could serve as a lesson to the respondent as well as a warning to the general public not to commit such an offense in the future (see paras 26, 29 & 31).

(2) The guilty plea by the respondents was not a major mitigation factor in sentencing the respondent. The trial judge had granted an excessive discount or credit to the respondent's plea of guilty (see para 33).

(3) The period of imprisonment imposed by this court against the respondent on the first amended charge ie six year of imprisonment from the date of conviction was sufficient for the purpose of rehabilitating the respondent while in prison. The court had balanced the deterrence aspect with the rehabilitation aspect by imposing a fair and appropriate imprisonment term and the period of imprisonment was expected to fulfil the purpose of the balance. The ten year imprisonment sentence argued by the prosecution was manifestly excessive and would affect the process of rehabilitation of the respondent while serving the sentence in prison. Furthermore, the respondent was not a habitual offender and had no previous criminal record and had provided good cooperation to the police (see paras 36 & 38).

(4) The victim's mother and family felt the impact and long-term traumatic effects due to the respondent's conduct that caused the victim's death. The imprisonment sentence for the first amended charge increased from three years six months to six years from the date of conviction was manifestly adequate. While the other sentences imposed by the trial judge and the imprisonment sentence for the two charges to run concurrently were affirmed (see paras 39 & 44).]

Kes-kes yang dirujuk

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Fan Yew Teng v PP [1975] 2 MLJ 235, MP (dirujuk)
PP v Mohamed Danny bin Mohamed Jedi [2018] 6 MLJ 383; [2018] 1 LNS 50, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakal [2013] 1 MLJ 759; [2012] 7 CLJ 372, MR (dirujuk)
PP v Govindnan a/l Chinden Nair [1998] 2 MLJ 181, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Shahrul Azuwan bin Adanan & Anor [2013] 8 MLJ 70; [2013] 2 CLJ 686, MT (dirujuk)
PP v Dato' Waad bin Mansor [2005] 2 MLJ 101, MP (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App Rep 74, MR (dirujuk)
Zaidon bin Shariff v PP [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kanak-Kanak 2001 s 31(1), (1)(a), (2)
Kanun Keseksaan s 201
Kanun Tatacara Jenayah ss 172D(1)(c)(ii), 172G, 183, 183A

Mohd Raimi bin Mohd Ramli (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Dinesh Muthal bagi pihak responden.

Meor Hashimi PK:

LATAR BELAKANG

[1] Noor Aqilah bt Abdul Rahman ('responden'), pada asalnya telah telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen Selayang dengan pertuduhan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 ('pertuduhan pertama') kerana menyebabkan kecederaan di bahagian kepala Adam Rayqal bin Mohd Sufi Naefi ('mangsa') (No My Kid 180209–11–0755) dan juga dituduh di bawah s 201 Kanun Keseksaan (pertuduhan kedua) kerana melupuskan mayat mangsa dengan niat untuk menyembunyikan kematian mangsa.

[2] Pada 14 Februari 2019, pertuduhan pertama terhadap responden telah dipinda oleh pihak pendakwaan ('perayu') di mana responden dituduh mendedahkan mangsa dengan cara yang mungkin akan menyebabkan mangsa mengalami kecederaan di bahagian kepala yang merupakan suatu kesalahan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

[3] Setelah pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan kedua dibacakan dan diterangkan kepada responden dalam Bahasa Malaysia dan responden memahami sifat dan akibat pengakuannya, responden telah mengaku salah, tanpa syarat, terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen Selayang ('hakim bicara yang bijaksana') telah menerima pengakuan salah responden dan mendapati responden bersalah dan disabitkan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut.

[4] Akibat sabitan dan kebersalahan responden dan setelah mendengar hujahan mitigasi dan pemberatan hukuman oleh peguambela responden dan timbalan pendakwa raya ('TPR'), hakim bicara, bagi pertuduhan pindaan pertama, telah menjatuhkan hukuman penjara selama tiga tahun enam bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar enam bulan penjara serta perintah bon berkelakuan baik selama tiga tahun dengan cagaran sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin dan perintah khidmat masyarakat selama 200 jam secara *aggregate* dalam tempoh enam bulan dari tarikh jatuh hukum mengikut peruntukan s 31(2) Akta Kanak-Kanak 2001.

[5] Bagi pertuduhan kedua pula, hakim bicara telah menjatuhkan hukuman penjara 18 bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar enam bulan penjara di bawah s 201 Kanun Keseksaan.

[6] Hakim bicara juga memerintahkan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan serentak.

[7] Pihak perayu yang terkilan dengan keputusan hakim bicara telah merayu kepada mahkamah ini terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara. Sebaliknya, tiada rayuan dibuat oleh responden terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara.

[8] Mahkamah ini setelah mendengar hujahan pihak perayu dan peguambela responden telah membenarkan sebahagian rayuan pihak perayu di mana bagi pertuduhan pindaan pertama, hukuman penjara yang dijatuhkan oleh hakim bicara telah dinaikkan dari tiga tahun enam bulan kepada enam tahun bermula dari tarikh jatuh hukum. Manakala lain-lain hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara dan perintah hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan serentak adalah dikekalkan.

[9] Kini pihak perayu yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan mengenai hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah ini.

PERTUDUHAN PINDAAN PERTAMA

[10] Pertuduhan pindaan pertama di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 3/7/2018 di antara jam 6.20 petang hingga 6.50 petang bertempat di alamat 8930B, Jalan Nakhoda Kiri 3, Batu Caves dalam Daerah Gombak dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang kanak-kanak lelaki bernama Adam Rayqal bin Mohd Sufi Naeif (No My Kid : 180209-11-0755) telah mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan di bahagian kepala. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen 31(1) Akta yang sama.

PERTUDUHAN KEDUA

[11] Pertuduhan kedua terhadap responden di bawah s 201 Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 3/7/2018 di antara jam 6.20 petang hingga 6.50 petang bertempat di alamat 8930B, Jalan Nakhoda Kiri 3, Batu Caves dalam Daerah Gombak dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melupuskan mayat simati Adam Rayqal Bin Mohd Sufi Naeif (No MyKid : 180209-11-0755) dengan niat untuk menyembunyikan kematian penama tersebut dan menyebabkan kamu terlepas daripada hukuman. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 201 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

FAKTA KES

[12] Responden telah mengaku salah, tanpa syarat, terhadap kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan ke atas responden. Setelah dibacakan fakta kes, responden telah mengakui fakta kes dan juga mengakui ekshibit-ekshibit kes yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Fakta kes (P1) yang diakui oleh responden adalah seperti berikut:

(a) pengadu di dalam kes ini ialah seorang anggota polis yang bertugas di balai polis Selayang bernama Muhammad Naqiuddin bin Ismail (No Polis: RF165813) ('pengadu');

(b) pada 3 Julai 2018 jam lebih kurang 7.50 petang sewaktu pengadu sedang bertugas di kaunter aduan Balai Polis Selayang, pengadu telah didatangi oleh seorang perempuan Melayu yang mengatakan anaknya

bernama Adam Rayqal bin Mohd Sufi Naeif yang berumur lima bulan telah dilarikan oleh seorang lelaki Melayu berpakaian baju kemeja berwarna putih;

(c) pengadu juga telah dimaklumkan oleh perempuan Melayu tersebut bahawa dia baru sahaja menghantar anaknya itu kepada pengasuh bernama Aqilah yang dikenali melalui aplikasi Facebook Kelab Pengasuh KL dan Selangor selama seminggu dan pengasuh tersebut tinggal di alamat 8930B Jalan Nakhoda Kiri 3, Batu Caves Selangor. Pengadu kemudiannya telah membuat laporan polis sebagai laporan maklumat pertama pada 3 Julai 2018 jam 9.01 malam;

(d) selanjutnya, pada 3 Julai 2018 jam 9.41 malam, penama Mohd Sufi Naeif bin Mohd Pauzi (No K/P: 900609-11-5507) iaitu bapa kandung kepada Adam Rayqal bin Mohd Sufi Naeif (No Mykid: 180209-11-0755) telah membuat satu laporan polis di balai polis Selayang;

(e) bapa kepada bayi tersebut melaporkan bahawa pada 3 Julai 2018 jam 12.30 tengahhari, isterinya yang bernama Farrah Madihah bt Othman (No K/P: 901123-11-5172) yang juga merupakan ibu kandung bayi tersebut telah menghantar bayi mereka ke rumah pengasuh Aqilah tersebut (iaitu OKT dalam kes ini) di rumahnya yang beralamat di 8930B Jalan Nakhoda Kiri 3, Batu Caves Selangor. Kemudian pada hari yang sama jam 7 petang, bapa bayi tersebut telah menerima panggilan telefon daripada isterinya yang memberitahu bahawa terdapat seorang lelaki Melayu yang telah datang ke rumah pengasuh dan mengambil anak mereka. Sehubungan itu, bapa bayi itu menyangkakan bahawa anak mereka telah diculik dan terus membuat laporan polis;

(f) ibu bayi tersebut mengatakan bahawa sewaktu dia menghantar bayi tersebut pada 3 Julai 2018 jam lebih kurang 12.30 tengahari ke rumah OKT, bayi tersebut berada dalam keadaan baik dan sihat. Ibu bayi itu juga mengatakan bahawa pada jam 6.55 petang, dia ada menerima panggilan telefon daripada OKT namun tidak dijawab olehnya kerana dia sedang bertugas. Selanjutnya pada jam 7.15 petang, dia menerima kiriman 'WhatsApp' daripada OKT yang mengatakan bahawa anaknya itu telah diambil oleh suaminya. Sehubungan itu, ibu bayi itu telah menghubungi suaminya namun bapa bayi itu mengatakan bahawa dia tidak ada mengambil anak mereka;

(g) sehubungan itu, pada 3 Julai 2018 jam lebih kurang 10 malam, sepasukan pihak polis telah menahan OKT bersama seorang lagi yang bernama Nor Zaida bt Samsudin di perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak. Hasil siasatan lanjut oleh pihak polis, pada jam 10.58 hari yang sama, OKT telah memaklumkan kepada pegawai polis bahawa dia boleh menunjukkan di mana mayat bayi itu berada;

(h) sejurus menerima maklumat daripada OKT tersebut, pada jam lebih kurang 11.30 malam, sepasukan pihak polis dengan dipandu arah oleh OKT telah pergi ke alamat Lot 8930B Jalan Nakhoda Kiri 3, Batu Caves Selangor. Sesampainya mereka di alamat tersebut, OKT telah membuka pintu pagar rumah dan membawa pihak polis ke tingkat atas rumah tersebut;

(i) OKT telah membuka pintu rumah dengan menggunakan serangkai anak kunci yang dikeluarkan oleh OKT sendiri lalu OKT membawa pihak polis ke bahagian dapur rumah tersebut. Sesampainya mereka di bahagian dapur, OKT telah menunjukkan kepada pihak polis sebuah peti ais dua pintu jenis Samsung lalu OKT telah membuka pintu peti ais itu serta menunjukkan sebuah beg kain berwarna hijau yang bertulis 'Pandan City Go Green' kepada pihak polis;

(j) hasil pemeriksaan lanjut oleh pihak polis terhadap beg kain berwarna hijau yang bertulis 'Pandan City Go Green' tersebut mendapati di dalamnya terdapat satu mayat bayi lelaki dalam keadaan lengkap berpakaian. Susulan penemuan tersebut, pihak polis telah merampas serangkai anak kunci yang digunakan oleh OKT untuk membuka pintu rumah itu dan laporan polis berhubung penemuan mayat bayi tersebut telah dibuat oleh pihak polis;

(k) mayat bayi berkenaan kemudiannya telah dihantar ke Hospital Kuala Lumpur pada 4 Julai 2018 jam 2.35 pagi dan bedah siasat telah dijalankan oleh pihak hospital pada jam 9.40 pagi hari yang sama. Hasil bedah siasat mendapati bahawa punca kematian bayi tersebut ialah kecederaan kepala disebabkan oleh 'head injury due to blunt force trauma'; dan

(l) daripada keterangan yang ada, jelas menunjukkan bahawa OKT telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan s 201 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama masing-masing.

SEKSYEN 31 AKTA KANAK-KANAK 2001

[13] Mahkamah ini telah merujuk kepada s 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang mempunyai peruntukan berikut:

(1) Any person who, being a person having the care of a child —

(a) abuses, neglects, abandons or exposes the child or acts negligently in a manner likely to cause him physical or emotional injury or causes or permits him to be so abused, neglected, abandoned or exposed; or

(b) sexually abuses the child or causes or permits him to be so abused,

commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twenty years or to both.

SEKSYEN 201 KANUN KESEKSAAN

[14] Seksyen 201 Kanun Keseksaan pula dinyatakan seperti berikut:

Whoever knowing or having reason to believe that an offence has been committed, causes any evidence of the commissionof that offence to disappear with the intention of screening the offender from legal punishment, or with the knowledge that he is likely thereby to screen the offender from legal punishment, or with that intention or knowledge gives any information respecting the offence which he knows or believes to be false, shall, if the offence which he knows or believes to have been committed is punishable with death, be punished with imprisonment for a term which may extend to seven years, and shall also be liable to fine; and if the offence is punishable with imprisonment for life or with imprisonment which may extend to ten years, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years, and shall also be liable to fine; and if the offence is punishable with imprisonment for any term not exceeding to ten years, shall be punished with imprisonmment for a term which may extend to one-fourth part of the longest term of the imprisonment provided for the offence, or with fine, or with both.

HUKUMAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG

[15] Mahkamah ini mendapati adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah bicara hendaklah menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang apabila tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut. Seksyen 183 Kanun Tatacara Jenayah diperuntukkan seperti berikut:

Section 183 Sentence

If the accused is convicted, the Court shall pass sentence according to law.

[16] Dalam kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315, Mohamed Azmi J (pada ketika itu) telah menyatakan:

A 'sentence according to law' means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles. In assessing sentence, one of the main factors to be considered is whether the convicted person is a first offender. *It is for this purpose that before passing sentence, a Magistrate is required to call for evidence or information regarding the background, antecedent and character of the accused.* (Penekanan ditambah.)

[17] Mengenai isu yang sama, Augustine Paul JC (pada ketika itu) dalam kes *Zaidon bin Shariff v Public Prosecutor* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441 telah membuat pemerhatian berikut:

The phrase 'pass sentence according to law' in the subsection adverted to means that the sentence imposed must not only be within the ambit of the punishable section but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles (see *Re Chong Cheng Hoe & Ors* [1966] 2 MLJ 252; *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 and *Phillip Lau Chee Heng v PP* [1988] 3 MLJ 107). *The right to determine the quantum of punishment on a guilty party is absolutely in the discretion of the trial court. It will exercise that power judicially and will not tolerate any encroachment or even semblance of encroachment by either the prosecution or the defence in respect of that right.* (Penekanan ditambah.)

HUJAHAN PIHAK PERAYU

[18] Semasa rayuan ini, pihak perayu telah menghujahkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara bagi kedua-dua pertuduhan terhadap responden adalah tidak memadai (*manifestly inadequate*). Adalah dihujahkan bahawa hakim bicara telah gagal memberikan penekanan ke atas kepentingan awam dan telah memberikan penekanan yang lebih kepada kepentingan responden. Responden telah melakukan jenayah dengan menganiayai dan membiarkan mangsa yang berusia lapan bulan dalam pemeliharaan responden mengalami kecederaan fizikal sehingga menyebabkan kematian mangsa. Responden telah diberi amanah oleh keluarga mangsa untuk menjaga dan memelihara mangsa serta memastikan keselamatan mangsa daripada perkara yang tidak diingini semasa ketiadaan ibu bapa mangsa.

[19] Pihak perayu juga menghujahkan perbuatan responden terhadap mangsa adalah kejam dengan memasukkan mayat mangsa ke dalam beg kain bertulis 'Pandan City Go Green' dan meletakkan beg kain tersebut di dalam peti ais dan perbuatan responden adalah untuk menyembunyikan kesalahan yang dilakukan responden. Pihak perayu telah menghujahkan supaya hukuman terhadap responden dinaikkan mengambil kira hasrat Parlimen yang telah membuat pindaan kepada s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 pada 1 Januari 2017 dengan menetapkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah. Pihak perayu juga menghujahkan supaya hukuman yang lebih berat berbentuk pencegahan (*deterrent*) dijatuhkan terhadap responden. Pihak perayu juga menghujahkan mengikut s 172G Kanun Tatacara Jenayah yang dibaca bersama s 172D(1)(c)(ii) Kanun Tatacara Jenayah, hukuman yang boleh dijatuhkan apabila responden mengaku bersalah ialah sepuluh tahun iaitu separuh daripada hukuman maksima 20 tahun di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

HUJAHAN PIHAK RESPONDEN

[20] Peguambela responden menghujahkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara terhadap responden adalah memadai (*manifesly adequate*) dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Hakim bicara telah mengambil kira

faktor-faktor mitigasi responden sebelum menjatuhkan hukuman ke atas responden. Dalam rayuan ini, peguambela responden menghujahkan supaya mahkamah ini mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara. Peguambela menghujahkan responden tidak mempunyai sebarang rekod sabitan lampau dan merupakan pesalah pertama. Responden juga bukan merupakan 'habitual offender'.

[21] Peguambela responden juga menghujahkan bahawa kecederaan yang dialami oleh mangsa merupakan suatu kemalangan dan bukan disengajakan. Pertuduhan pertama telah dipinda oleh pihak pendakwaan kepada 'telah mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan di bahagian kepala'. Tiada keterangan yang menunjukkan responden mempunyai niat untuk mendatangkan kecederaan kepada mangsa.

[22] Peguambela responden juga menghujahkan pengakuan salah responden telah menjimatkan masa dan kos mahkamah dan merupakan antara faktor mitigasi yang telah diambil kira oleh hakim bicara. Pengakuan salah responden akan membolehkan kredit atau diskaun yang sewajarnya diberikan oleh hakim bicara terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas responden.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

[23] Mahkamah ini telah meneliti alasan penghakiman hakim bicara yang dinyatakan di ms 12–66 Rekod Rayuan Jld 1(a) dan khasnya di ms 38 di mana hakim bicara telah memutuskan seperti berikut:

> [43] Prinsip asas hukuman adalah bagi menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai tangungjawab untuk mengimbangi di antara kadar keseriusan kesalahan dan darjah tanggungjawab pesalah terhadap kesalahan yang dilakukan. Untuk itu, mahkamah perlu mengimbangi agar hukuman yang dijatuhkan adalah 'not manifestly excessive or not manifestly inadequate'.
>
> [44] Sehubungan dengan itu, mahkamah ini telah mempertimbangkan faktor-faktor berikut dalam menjatuhkan hukuman bagi kes di hadapan mahkamah ini —
>
> (i) Pengakuan salah tertuduh;
>
> (ii) Kesalahan pertama tertuduh. Tertuduh tiada rekod jenayah;
>
> (iii) Tertuduh telah insaf atas kesalahan yang dilakukan dan telah mengaku salah;
>
> (iv) Kesan kepada keluarga mangsa dan juga tertuduh;
>
> (v) Kepentingan awam dan tertuduh; dan
>
> (vi) Pihak pendakwaan memohon hukuman yang berat dijatuhkan terhadap tertuduh.

[24] Seterusnya hakim bicara dalam alasan penghakimannya di ms 64–65 Rekod Rayuan Jld 1(a) telah memutuskan seperti berikut:

> [84] Setelah meneliti, menimbang dan membuat penilaian keseluruhan faktor-faktor mitigasi Peguambela tertuduh, hujahan pemberatan Timbalan Pendakwa Raya dan *victim impact statement* bertulis oleh ibu mangsa serta berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Mahkamah berpendapat hukuman penjara selama 3 tahun 6 bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM5,000.00 gagal bayar 6 bulan penjara serta Perintah Bon Berkelakuan Baik selama 3 tahun dengan cagaran sebanyak RM8,000.00 dengan seorang penjamin dan Perintah Khidmat Masyarakat selama 200 jam secara aggregate dalam tempoh 6 bulan dari tarikh jatuh hukum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 31(2) Akta Kanak-Kanak 2001 dan hukuman penjara selama 18 bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda sebanyak RM5,000.00 gagal bayar 6 bulan penjara bagi pertuduhan kedua di bawah seksyen 201 Kanun Keseksaan dan hukuman penjara berjalan serentak bagi kedua-dua pertuduhan tersebut adalah satu hukuman yang wajar dan munasabah. Hukuman yang dijatuhkan tersebut juga adalah menurut landasan undang-undang dan tidak menyalahi mana-mana prinsip undang-undang serta hukuman yang dijatuhkan ke atas tertuduh juga merupakan hukuman yang paling patut dan sesuai atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh.

[25] Setelah menimbangkan hujahan pihak perayu dan pihak responden dalam rayuan ini, mahkamah ini memutuskan rayuan perayu dibenarkan sebahagian di mana hukuman penjara bagi pertuduhan pindaan pertama telah dinaikkan dari tiga tahun enam bulan kepada enam tahun bermula dari tarikh jatuh hukum. Manakala lain-lain hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah dikekalkan. Perintah hakim bicara supaya hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan serentak juga dikekalkan.

[26] Mahkamah ini berpendapat hukuman penjara tiga tahun enam bulan yang dijatuhkan oleh hakim bicara bagi pertuduhan pindaan pertama adalah tidak memadai dan terlalu ringan (*manifestly inadequate*). Hakim bicara telah memberikan keutamaan yang lebih kepada kepentingan responden daripada kepentingan awam. Dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83, Raja Azlan Shah Ag LP (pada ketika itu) telah menggariskan panduan mengenai prinsip penghukuman dan telah membuat pemerhatian berikut:

> *Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description?* I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves the right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts

may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v Jamieson*). A

It is for that reason for some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others equally conscientious have thought it their duty to view the same crimes with leniency. *Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not* B *normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.*

For a discretionary judgment of this kind to be reversed by this court, it must be shown C *to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion*. We are far from convinced that any criticism of the learned judge is warranted. He took the course he did, in outweighing the plea of mitigation in favour of the public interest with a desire to uphold the dignity and authority of the law as administered in this country. We agree. That must receive the greatest weight. It is a serious offence to give false D testimony, for it is in the public interest that the search for truth should, in general and always, be unfettered. The courts are the guardian of the public interest. (Penekanan ditambah.)

[27] Seterusnya prinsip penghukuman yang telah dihuraikan di atas juga E telah disentuh dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 di mana Hashim Yeop A Sani J (pada ketika itu) telah menyatakan:

The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. *The High Court sitting in exercise of its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly* F *inadequate or grossly excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed on the record or to all the facts which the court ought to take judicial notice of, that is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is a firmly established practice that the court will not alter a sentence merely because it might have passed a different sentence.* G

... *One of the main considerations is the assessment of sentence is of course the question of public interest.* On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *Rex v Kenneth John Ball* as follows:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. *The first and foremost is the public interest.* The criminal law is H publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may I also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. *The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living.* Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that

maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. *Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe.* (Penekanan ditambah.)

[28] Mengenai hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden, dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Danny bin Mohamed Jedi* [2018] 6 MLJ 383; [2018] 1 LNS 50, Mohd Zawawi Salleh HMR (pada ketika itu) telah membuat pemerhatian berikut:

It is trite law that the sentence must be proportionate to both the seriousness of the offence and the degree of responsibility of the offender. The concept of proportionality was explained in the Canadian Supreme Court case of *R v Ipeelee* [2012] SCC 13; [2012] 1 SLR 433 in para 37 as follows:

> Proportionality is the sine qua non of a just sanction. *First, the principle ensures that a sentence reflects the gravity of the offence*. This is closely tied to the objective of denunciation. It promotes justice for victims and ensures public confidence in the justice system ... *Second, the principle of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriate, given the moral blameworthiness of the offender*. In this sense, the principles serves a limiting or restraining function and ensures justice for the offender. (Penekanan ditambah.)

KEPENTINGAN AWAM

[29] Mahkamah ini berpendapat hukuman penjara tiga tahun enam bulan bagi pertuduhan pindaan pertama yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlalu ringan dan tidak memadai (*manifestly inadequate*). Dalam dapatan mahkamah ini, pertimbangan yang utama hendaklah diberikan kepada aspek kepentingan awam dan ianya mengatasi kepentingan responden. Berdasarkan faktor ini, mahkamah ini telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan menaikkan hukuman penjara kepada enam tahun bagi pertuduhan pindaan pertama. Dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Waad bin Mansor* [2005] 2 MLJ 101, Alauddin HMP (pada ketika itu) telah merujuk kepada keputusan Lawton LJ dalam kes *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74 dan memutuskan seperti berikut:

> Those classical principles are summed up in four words: retribution, deterrence, prevention and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those four classical principles in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing. I will start with retribution. The Old Testament concept of an eye for an eye and tooth for tooth no longer plays any part in our criminal law. *There is, however, another aspect of retribution which is frequently overlooked: it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime, and the only way in which the courts can show this is by the sentences they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.* (Penekanan ditambah.)

[30] Begitu juga dalam kes *Fan Yew Teng v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 235 di mana Mahkamah Persekutuan melalui Lee Hun Hoe CJ (Borneo) telah menyatakan:

> *In deciding appropriate sentence the first and foremost consideration is the public interest. The law does not fix the sentence for a particular offence but fixes a maximum sentence and leaves it to the trial court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence in the particular circumstances of each case. Therefore, before passing sentence the trial court hears evidence of antecedents and character of every convicted person.* (Penekanan ditambah.)

[31] Dalam menjatuhkan hukuman yang wajar dan setimpal terhadap responden, mahkamah ini telah memberi pertimbangan yang utama kepada aspek kepentingan awam. Dalam dapatan mahkamah ini, kepentingan awam memerlukan hukuman yang berbentuk pencegahan (*deterrent*) dijatuhkan oleh mahkamah ini di mana kesalahan yang dilakukan oleh responden ialah kesalahan yang serius dan menyebabkan kehilangan nyawa mangsa. Hukuman berbentuk 'deterrent' dapat dijadikan pengajaran kepada responden dan juga peringatan kepada masyarakat umum supaya tidak melakukan kesalahan yang seumpamanya di masa hadapan.

PENGAKUAN SALAH RESPONDEN

[32] Adalah fakta yang tidak dipertikaikan bahawa responden telah mengaku salah bagi kedua-dua pertuduhan yang dikemukakan ke atas responden. Justeru, hakim bicara dan mahkamah ini telah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada pengakuan salah responden sebelum menjatuhkan hukuman terhadap responden. Kesanggupan responden mengaku salah tanpa syarat bagi kedua-dua pertuduhan tersebut telah menjimatkan masa dan kos semua pihak khasnya mahkamah. Tidak dapat dinafikan bahawa kesegeraan responden mengaku salah bagi kedua-dua pertuduhan tersebut telah membolehkan mahkamah ini menyelesaikan perbicaraan kes ini dengan segera dan ini sudah tentu mempercepatkan keputusan oleh mahkamah ini mengenai sabitan dan hukuman terhadap responden.

[33] Namun begitu, mahkamah ini berpendapat pengakuan salah oleh responden dalam kes ini bukanlah suatu faktor mitigasi yang utama dalam menjatuhkan hukuman ke atas responden. Dalam dapatan mahkamah ini, hakim bicara telah memberikan diskaun atau kredit yang berlebihan bagi pengakuan salah responden. Dalam kes *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181, Augustine Paul JC (pada ketika itu) telah memutuskan:

> It is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (see *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45).

However, as I had the occasion to observe in Zaidon bin Shariff v Public Prosecutor [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441 *at p 446:*

> *... Be that as it may, this rule is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in appropriate cases (see Lee Say & Ors v Public Prosecutor* [1985] 2 CLJ 155*).*

In my opinion, a guilty plea ought to be considered in favour of the accused only when all other factors and circumstances surrounding the commission of the offence justify such a consideration. Its application in favour of the accused depends on the circumstances of each case ... In *Public Prosecutor v Low Kok Wai* [1988] 3 MLJ 123, Mohamed Dzaiddin J (as he then was) said at p 124:

> *... In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilty. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused has pleaded guilty. The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case, and it cannot be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused.* (Penekanan ditambah.)

PROSES PEMULIHAN RESPONDEN

[34] Mahkamah ini juga telah mengambil kira aspek proses pemulihan responden supaya responden dapat berubah menjadi orang yang baik dan dapat diterima semula oleh ahli keluarga dan masyarakat selepas menjalani hukuman dalam penjara. Responden berumur 34 tahun semasa kejadian dan mempunyai bapa yang berumur 62 tahun yang menghidap pelbagai jenis pesakit dan juga ibu yang berumur 60 tahun yang merupakan pesara kerajaan serta menghidap penyakit darah tinggi. Responden juga mendapat pendidikan sekolah setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di mana sejak responden berumur 17 tahun, responden hanya bekerja sebagai penjaga atau pengasuh kanak-kanak sehinggalah responden ditangkap oleh pihak polis. Separuh daripada usianya, responden bekerja sebagai pengasuh kanak-kanak. Peguambela juga menghujahkan responden telah memberikan kerjasama yang baik kepada pihak polis.

[35] Peguambela responden juga menghujahkan responden mempunyai tahap kecerdikan ('IQ') yang rendah dan tindakan menyembunyikan mayat mangsa adalah suatu tindakan panik oleh seseorang yang mempunyai IQ yang rendah dan tidak tahu apa yang perlu dibuat apabila berlaku kemalangan yang di luar dugaan.

[36] Dalam dapatan mahkamah ini, tempoh pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah ini terhadap responden bagi pertuduhan pindaan pertama iaitu penjara enam tahun dari tarikh jatuh hukum adalah mencukupi bagi tujuan pemulihan responden semasa berada dalam penjara. Mahkamah ini telah seimbangkan aspek 'deterrence' dengan aspek 'rehabilitation' dengan

menjatuhkan hukuman penjara yang wajar dan setimpal dan tempoh pemenjaraan yang dikenakan iaitu enam tahun dari tarikh jatuh hukum, dalam pendapat mahkamah ini, adalah diharapkan dapat memenuhi tujuan perseimbangan tersebut.

[37] Dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad bin Tawakal* [2013] 1 MLJ 759; [2012] 7 CLJ 372, Ramly Ali HMR (pada ketika itu) telah memutuskan:

> *Di dalam kes ini mahkamah perlu seimbangkan ciri 'deterrence' dengan ciri 'rehabilitation' di dalam mengenakan hukuman yang setimpal dan berpatutan — 'to strike a right balance between the two'. Sesuatu hukuman yang berciri 'deterrence' bukan sahaja menghalang OKT daripada mengulangi kesalahannya di masa akan datang, tetapi juga perlu menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama; manakala hukuman yang berciri 'rehabilitation' bertujuan untuk memulihkan OKT menjadi orang yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat selepas menjalani hukuman berkenaan.* (Penekanan ditambah.)

[38] Dengan hormatnya, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan supaya hukuman penjara terhadap responden bagi pertuduhan pindaan pertama dinaikkan kepada sepuluh tahun mengambil kira s 172G KTJ yang dibaca bersama s 172D(1)(c)(ii) KTJ. Mahkamah ini berpendapat hukuman penjara sepuluh tahun tersebut yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan adalah terlalu berat (*manifestly excessive*) dan akan menjejaskan proses pemulihan responden semasa menjalani hukuman di penjara. Lagi pula, responden bukan merupakan 'habitual offender' dan tidak mempunyai rekod sabitan lampau dan telah memberikan kerjasama yang baik kepada pihak polis.

'VICTIM'S IMPACT STATEMENT' OLEH IBU MANGSA

[39] Mahkamah ini juga telah menimbangkan dan mengambil kira *victim's impact statement* (P12) yang disediakan secara bertulis oleh ibu mangsa di bawah s 183A Kanun Tatacara Jenayah dalam menaikkan hukuman penjara kepada enam tahun dari tarikh jatuh hukum terhadap responden bagi pertuduhan pindaan pertama. Dalam dapatan mahkamah ini, ibu dan ahli keluarga mangsa merasai impak dan kesan trauma yang berpanjangan akibat perbuatan responden yang telah menyebabkan kematian mangsa. Seksyen 183A adalah peruntukan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah dan berkuat kuasa pada 1 Jun 2012 yang mempunyai peruntukan seperti berikut:

> Seksyen 183A Criminal Procedure Code
>
> (i) Before the Court passes sentence according to law under section 183, the Court shall, upon the request of the victim of the offence or the victim's family, call upon the victim or a member of the victim's family to make a statement on the impact of the offence on the victim or his family.

(ii) Where the victim or a member of the victim's family is for any reason unable to attend the proceedings after being called by the Court under subsection (1), the Court may at its discretion admit a written statement of the victim or a member of the victim's family.

[40] Abdul Rahman Sebli J (kini HMP) dalam kes *Public Prosecutor v Shahrul Azuwan bin Adanan & Anor* [2013] 8 MLJ 70; [2013] 2 CLJ 686 telah menyentuh mengenai peruntukan s 183A Kanun Tatacara Jenayah dan menyatakan:

> It is comforting to note that the Criminal Procedure Code ('the CPC') has recently been amended by adding a new s 183A which came into force on 1 June 2012 and which allows for the victim's impact statement to be taken into consideration before the court passes sentence. *This will give the court a sense of what the victim or his family went through as a result of the offender's transgression into their private lives and to pass the appropriate sentence accordingly.* (Penekanan ditambah.)

[41] Dalam buku *Criminal Litigation Process* (Sweet & Maxwell, 3rd Ed) di ms 547–548 telah dinyatakan bahawa:

> Victim impact statements are meant to be written or oral information from victims of crime, in their words, about how a particular crime has affected them and this could be in various aspects, such as physical or psychological damage, financial cost or the victim's views on the crime itself or the offender as well as their opinion on the appropriate sentencing that should be given. It is the view that this provision is to balance the rights of the accused and the rights of the victim. *The victim has the chance to address the court on the impact on him and his family of a long sentence or a heavy fine imposed on the accused... The victim's impact statement would contain the trauma or harm suffered by the victim ... Further, for instance in a murder case, the family can state how the loss affected their livehood if the deceased was the sole breadwinner for the family.* (Penekanan ditambah.)

[42] Dalam menjatuhkan hukuman yang setimpal dan berpatutan dengan kesalahan serius yang telah dilakukan oleh responden, mahkamah ini telah memberi pertimbangan yang adil dan saksama terhadap faktor mitigasi hukuman serta faktor pemberatan hukuman yang dihujahkan oleh pihak perayu dan peguambela responden. Mahkamah ini juga telah memberi pertimbangan utama kepada aspek kepentingan awam dan juga proses pemulihan kepada responden semasa berada dalam penjara. Mahkamah ini berharap hukuman penjara enam tahun bagi pertuduhan pindaan pertama telah memenuhi kehendak kepentingan awam dan juga hasrat Parlimen dalam meminda s 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

KESIMPULAN

[43] Bersandarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini membenarkan sebahagian rayuan pihak perayu terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara.

[44] Dalam dapatan mahkamah ini, hukuman penjara bagi pertuduhan pindaan pertama yang dinaikkan dari tiga tahun enam bulan kepada enam tahun bermula dari tarikh jatuh hukum adalah wajar dan munasabah (*manifestly adequate*), setelah mengambil kira fakta dan keadaan dalam kes ini. Manakala lain-lain hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara dan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut berjalan serentak adalah dikekalkan.

Sebahagian rayuan perayu dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh